



Sektor pemborongan dan peruncitan merupakan satu daripada 12 bidang ekonomi utama negara yang diberi perhatian oleh kerajaan.

**P**EMBENTANGAN Laporan Transformasi Ekonomi oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak memperlihatkan kedudukan ekonomi negara masih berdaya saing. Purata Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara sejak tahun 2010 dicatatkan kekal pada 5.6 peratus, manakala Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita meningkat 3.0 peratus kepada lebih daripada RM36 ribu pengurangan defisit fiskal kepada 3.2 peratus dengan pelaksanaan disiplin fiskal yang konsisten. Dapatan yang dilaporkan itu diukur berdasarkan lima petunjuk besar kejayaan Dasar Transformasi Nasional (DTN). Ternyata negara berjaya memacu ekonomi meskipun dalam kitaran ekonomi yang tidak memberangsangkan.

Sementara itu, kadar purata 5.6 peratus KDNK sejak tahun 2010 dilihat menjadi penanda aras ekonomi Malaysia yang mapan. Tambahan pula, berdasarkan data daripada Bank Dunia, KDNK Malaysia meningkat secara purata sebanyak 5.78 peratus. Malaysia menduduki tempat ke-55 daripada 252 buah negara di dunia bagi purata pertumbuhan ekonomi sejak tahun 2010 hingga tahun 2015. Lebih memberangsangkan, Malaysia dapat mengatasi pertumbuhan ekonomi negara maju seperti Amerika Syarikat yang hanya meningkat sebanyak 2.21 peratus di tangga ke-154 dan United Kingdom sebanyak 1.96 peratus di tangga ke-165 bagi jangka tahun yang sama.

## Pemborongan dan Peruncitan Bidang Ekonomi Utama Negara

Dalam pada itu, status negara berpendapatan tinggi yang disasarkan untuk dicapai pada tahun 2020 berupaya direalisasikan dengan strategi memfokuskan 12 bidang ekonomi utama negara (NKEA) yang terpilih, seperti minyak, gas dan tenaga, perkhidmatan kewangan, minyak sawit dan getah, pelancongan, elektrik dan elektronik, perkhidmatan perniagaan, kandungan dan infrastruktur ekonomi, pendidikan, pertanian, penjagaan kesihatan, serta pemborongan dan peruncitan.

Sektor pemborongan dan peruncitan yang melibatkan 12 Projek Permulaan (EPP) dijangkakan dapat menyumbang sebanyak RM156 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) menjelang tahun 2020. Sumbangan sektor yang berdaya maju ini secara tidak langsung dapat menyediakan sebanyak



454 190 peluang pekerjaan baharu kepada rakyat, seterusnya mampu mengurangkan kadar pengangguran di dalam negara.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan Laporan Tahunan Program Transformasi Ekonomi (PTE) dan Program Transformasi Kerajaan (PTK), sungguhpun ekonomi global masih dalam situasi yang tidak menentu, Malaysia masih mampu melakar pertumbuhan ekonomi yang positif. Hal ini banyak didorong oleh pelbagai dasar dan program yang dijalankan oleh kerajaan, seperti PTE,

PTK, Model Ekonomi Baru (MEB), Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera dan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11).

Seperti yang diumumkan dalam laporan yang dikeluarkan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), perkembangan positif yang dicapai oleh negara sebahagian besarnya dipacu oleh agenda transformasi ekonomi yang dilancarkan sejak tahun 2010. Berasaskan unjuran semasa, potensi untuk Malaysia mencapai PNK per kapita sebanyak AS\$15 ribu (RM47 199) apabila melangkah ke tahun 2020, tidak mustahil untuk direalisasikan.

Menurut Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK),

sektor pemborongan dan peruncitan domestik menyumbangkan RM89.38 bilion kepada PNK hingga suku ketiga tahun lalu. Jumlah ini menunjukkan peningkatan lapan peratus dalam tempoh yang sama berbanding dengan tahun sebelumnya. Sebagai subsektor di bawah segmen sektor perdagangan dan pengedaran, industri peruncitan dan pemborongan memberikan sumbangan yang signifikan kepada pendapatan negara, selain mampu mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih banyak dan memperkasakan bidang perniagaan.

Selain itu, sektor pemborongan dan peruncitan negara yang merupakan sektor yang semakin meningkat maju, bakal mempunyai landskap baharu ekonomi melalui pelan tindakan sektor perkhidmatan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar berkata, perkara berkenaan adalah sebagai inisiatif bagi mengutar langkah menambah baik capaian pasaran, membina jaringan kapasiti sektor, penggalakan eksport, pembangunan modal insan, akses kepada teknologi dan kesepadanan peraturan domestik kepada pemborongan dan peruncit yang terlibat.

Menurut beliau, melalui segmen ini, kerajaan komited untuk mewujudkan beberapa Projek Pengerak Ekonomi (EPP) yang menjurus kepada tiga tema penggerak, iaitu pemodenan, globalisasi dan revolusi yang mampu untuk melonjakkan industri terlibat bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. EPP yang dilaksanakan mampu untuk meningkatkan bilangan kedai yang berformat besar, antaranya termasuklah pasar raya besar, pasar raya dan gedung beli-belah, di samping terus meningkatkan daya saing dan menggalakkan penurunan harga serta mewujudkan peluang pekerjaan.

Sektor pemborongan dan peruncitan merupakan antara sektor yang mempunyai ruang dan peluang yang luas untuk diteroka lagi dan kerajaan yakin bahawa peruncit dan pemborong tempatan boleh berjaya menguasai segmen ini secara eksklusif dan kukuh. Pada tahun lalu, jumlah jualan bagi sektor ini menunjukkan peningkatan daripada RM881 bilion kepada RM951.2 bilion dengan KDNK bertambah kepada enam peratus berbanding dengan 4.7 peratus pada tempoh sebelumnya. Peningkatan tersebut merupakan penunjuk terbaik bahawa sektor itu sedang

berkembang untuk merealisasikan sasaran peningkatan PNK sebanyak RM156 bilion dan mewujudkan sebanyak 454 190 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

Dalam hal ini, peranan usahawan untuk memacu ekonomi negara amat signifikan dengan bersedia untuk menggunakan idea dan strategi yang kreatif dalam perancangan perniagaan masing-masing agar turut selaras dengan perancangan dan pembangunan jangka panjang negara. Selain itu, pemain dalam sektor pemborongan dan peruncitan perlu memperkemas kompetensi dan profesionalisme bagi mempertingkatkan kedudukan perniagaan ke peringkat perniagaan yang lebih tinggi untuk lebih berdaya saing, sekaligus memastikannya setara dengan pemain industri luar negara.

Oleh hal yang demikian, EPP yang dirangka di bawah NKEA peruncitan dan pemborongan, mendorong kerajaan lebih optimis untuk memberikan sokongan kepada pelaksanaan pihak swasta dalam usaha mewujudkan sektor berkelompok ke arah modenisasi, globalisasi, dan revolusi industri ini. Menerusi EPP tersebut, antara fokus yang diberikan penekanan termasuklah membantu peruncit kecil mentransformasikan perniagaan mereka kepada format yang lebih moden melalui program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR), membantu pengendali serta pemaju pusat beli-belah tempatan meneroka peluang meluaskan perniagaan di luar negara, dan membangunkan platform maya yang dapat memberikan pendedahan kepada produk tempatan untuk bersaing dalam pasaran antarabangsa.

Walaupun bagaimanapun, dalam kerancakan sektor peruncitan dan pemborongan domestik, masih terdapat pelbagai isu yang dapat memberikan kesan langsung kepada operasi peserta industri, khususnya dalam kalangan peniaga bersaiz kecil, seperti peruncit kecil dan peniaga pasar tani. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa pelibatan syarikat peruncitan gergasi antarabangsa dan tempatan untuk merencanakan sektor ini di Malaysia banyak memberikan impak yang positif, khususnya untuk membuka peluang pekerjaan yang lebih banyak. Selain itu, pertumbuhan industri ini yang begitu menggalakkan, turut mendorong pembangunan prasarana di kawasan wujudnya premis peruncitan.

Berkaitan dengan hal ini, banyak berlaku proses pembandaran yang penting untuk membangunkan industri peruncitan dan pemborongan di sesuatu tempat. Berdasarkan kajian yang dilakukan antara faktor yang menyumbangkan kerancakan pertumbuhan industri peruncitan termasuklah kepadatan penduduk, kuasa membeli penduduk setempat dan taraf hidup mereka. Di samping itu, perkembangan positif itu turut merangsang kewujudan prasarana dan kemudahan awam di sesuatu kawasan, yang disokong oleh dasar dan galakan kerajaan. Ternyata peranan prasarana bagi menggiatkan aktiviti peruncitan di sebuah kawasan sangat signifikan dan secara tidak langsung meningkatkan taraf sosial penduduk setempat.

Walaupun bagaimanapun, aliran semasa yang jelas kelihatan di negara ini ialah pembabitan syarikat multinasional dari luar negara dalam industri peruncitan tempatan. Kehadiran mereka merupakan satu daripada kesan globalisasi dan liberalisasi perdagangan, dan kita harus akur dengan tuntutan negara rakan dagang agar pasaran tempatan dibuka kepada syarikat tersebut. Ironinya, hal ini memberikan impak kepada peruncit kecil hingga menjejaskan pendapatan mereka, bahkan ada pula dalam kalangan peruncit yang terpaksa gulung tikar. ●

Masih terdapat pelbagai isu yang dapat memberikan kesan langsung kepada operasi peserta industri, khususnya dalam kalangan peniaga bersaiz kecil.

